

23/06/2002

Pengumuman Abdullah

SEMASA YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Umno juga Perdana Menteri kita menggulung perbahasan tadi, beliau telah secara mengejut mengumumkan yang beliau berhasrat meletak jawatan semua, semua jawatan dalam parti dan jawatan dalam kerajaan.

Apa yang beliau nyatakan itu telah menimbulkan satu reaksi yang begitu spontan iaitu semua ahli Majlis Tertinggi (MT) yang berada di atas pentas bersama beliau telah merayu dan telah menyatakan bahawa kami semua tidak dapat terima, tidak dapat terima apa yang dihasratkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ahli-ahli perwakilan yang berada di bawah pun begitu sekali menyatakan pendirian mereka.

Saya telah pada waktu itu, untuk mendapatkan kepastian, membuat satu usul tergepar iaitu usul bahawa Perhimpunan Agung Umno menolak hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletak semua jawatan dalam parti dan dalam kerajaan dan usul itu disambut dengan secara spontan dengan begitu bersemangat, bersungguh-sungguh dan lepas itu ahli-ahli MT telah membenarkan saya, Naib-Naib Presiden, Setiausaha Agung, Ketua Pergerakan Pemuda, Ketua Pergerakan Wanita, Ketua Penerangan, berjumpa beliau dalam bilik khas di mana kami telah pun nyatakan kepada beliau bahawasannya hasrat parti ialah Datuk Seri terus memimpin parti dan kerajaan.

Hasrat ini adalah hasrat sebulat suara, tidak ada seorang pun berkecuali dalam hal ini. Kami terpaksa mengambil masa yang begitu panjang sebenarnya untuk nyatakan kepada beliau tentang perasaan parti pada waktu ini, walau pun beliau menyatakan kesungguhannya, tetapi akhirnya beliau dapat memahami sebagai seorang Presiden parti yang sentiasa memahami apa juga kehendak dan reaksi parti dalam satu-satu perkara beliau telah pun difahamkan supaya beliau mengakui tentang kehendak parti itu dengan itu YAB Dr Mahathir Mohamad bersetuju supaya dia terus memegang jawatan yang pada waktu ini dipegang olehnya, saya harap semua ahli Umno di seluruh negara yang tidak ada di perhimpunan ini akan dapat bertenang dan saya juga berharap semua parti komponen BN dan ahli-ahli komponen BN dapat memahami bahawasannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih Perdana Menteri dan masih Presiden Umno, masih Pengerusi BN dan masih memegang jawatan-jawatan yang lain.

(END)